

23 April 2012

Hajjah Patahiyah binti Ismail,  
YDP MPPP  
Komtar  
Fax: 04-262 6260 [hiyah@mppp.gov.my](mailto:hiyah@mppp.gov.my)

Yang Berbahagia,

### **BERSIH 3.0 DUDUK BANTAH DI PADANG KOTA LAMA**

Merujuk kepada perkara diatas adalah dimaklumkan bahawa pihak kami, NGO Pulau Pinang yang menganggotai BERSIH 2.0, akan mengadakan satu himpunan yang aman iaitu *DUDUK BANTAH*. Untuk makluman pihak YDP, kami akan berkumpul secara aman pada:

Tarikh: 28 April 2012

Masa: 2 hingga 4 petang

Tempat: Dataran Pidato, Padang Kota Lama, Pulau Pinang

*Duduk Bantah* adalah untuk menyuarakan bantahan kami terhadap sistem pilihanraya negara ini yang kami percaya masih tidak bersih dan adil.

Pihak kami sudah menghubungi pihak Ketua Menteri YAB Tuan Lim Guan Eng mengenai perkara ini. Kami diberitahu bahawa kemungkinan besar beliau akan turut hadir *Duduk Bantah* ini. Tambahan pula, pihak kerajaan negeri tiada bantahan mengenai kegunaan Padang Kota Lama untuk *Duduk Bantah* ini.

Justeru, kami berharap agar pihak YDP dapat memberikan kerjasama semasa *Duduk Bantah* kami berlangsung. Pihak kami juga akan menghubungi polis untuk mendapat kerjasama keselamatan.

Sekian terima kasih dengan harapan *Duduk Bantah* ini akan berjalan dengan meriah dan lancar. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi saya di talian 012-452 4885.

Sehubungan itu, kerjasama dari pihak YDP berhubung program di atas amat kami hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih

Sekian



(Dr Francis Loh)

Presiden

Aliran

b/p NGO yang menganggotai BERSIH 2.0

s.k. Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Lim Guan Eng Faks: 04-2613003